



MOHD. Badruddin Izuan Bahari 9, (kanan) dan abangnya, Badruzaman Munir Bahari 13, menjemur buku dan kasut sekolah mereka yang ditenggelami air selepas banjir melanda di Kampung Mawa, Kok Mak, Padang Besar, semalam.

Banjir di Padang Besar pulih

PADANG BESAR 2 Jan. - Banjir di empat kawasan di daerah ini pulih sepenuhnya hari ini.

Berikutan itu, empat pusat pemindahan banjir masing-masing di Dewan Orang Ramai Padang Melaka, Kampung Padang Mawa, Kok Mak; Sekolah Kebangsaan (SK) Batu Bertangkup dan SK Titi Tinggi Hilir ditutup apabila mangsa kembali ke rumah

masing-masing.

Semalam, lebih 268 mangsa di empat buah kawasan di daerah ini dipindahkan ke pusat berkenaan selepas rumah mereka ditenggelami air akibat hujan selama beberapa jam sejak awal pagi.

Ia melibatkan penduduk di kawasan Batu Bertangkup, Kampung Kok Mak, Titi Tinggi Hilir dan Kampung Padang Mawa di sini.

Sementara itu, Pengarah Pelajaran Negeri Perlis, Dun Kasa memberitahu, sekolah-sekolah di daerah berkenaan tidak terjejas apabila musim baru persekolahan bermula esok.

Menurut beliau, ini kerana sekolah-sekolah di daerah berkenaan tidak dinaiki air walaupun banjir melanda beberapa kawasan semalam.